



# Wahyu 4





Published by the Comic Bible Society, LLC  
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to  
this comic book as provided by United  
States copyright law.

Print and digital copies of this version may  
be freely distributed without penalty under  
a Creative Commons license.



"THE BIBLE EXPLAINED  
IN EVERY LANGUAGE."





MARILAH, KEPADAMU AKAN AKU TUNJUKKAN HUKUMAN BAGI PELACUR TERMASYHUR<sup>[1]</sup> YANG DIBINA DEKAT SUNGAI-SUNGAJ.

RAJA-RAJA DUNIA MELAKUKAN PERBUATAN CABUL DENGAN PELACUR ITU, DAN PENDUDUK DUNIA MENJADI MABUK KETIKA PELACUR ITU MELAKUKAN PERBUATAN CABUL DENGAN MEREKA.<sup>[2]</sup>



"LALU ROH ALLAH MENGUASAI AKU DAN MALAIKAT ITU MEMBAWA AKU KE PADANG GURUN."

"DI SITU AKU MELIHAT SEORANG WANITA DUDUK DI ATAS SEEKOR BINATANG MERAH, YANG BADANNYA DIPENUHI NAMA-NAMA YANG MENGKUFURI ALLAH SERTA MEMPUNYAI TUJUH KEPALA DAN SEPULUH TANDUK."<sup>[3]</sup>

"WANITA ITU BERPAKAJIAN UNGU DAN MERAH TUA, SERTA MEMAKAI PERHIASAN EMAS, PERMATA, DAN MUTIARA."

"TANGANNYA MEMEGANG SEBUAH CAWAN EMAS YANG PENUH DENGAN PERKARA-PERKARA CABUL DAN KEJI, HASIL DARIPADA PERBUATANNYA YANG CABUL."<sup>[3]</sup>

"PADA DAHINYA TERTULIS SUATU NAMA..."

**MISTERI  
BABEL YANG BESAR  
IBU KEPADA SEMUA  
PELACUR DAN  
KEKEJIAN DI DUNIA INI.**



<sup>[1]</sup> DALAM BUDAYA ROMA, PARA PELACUR DIWAJIBKAN MEMAKAI IKAT KEPALA YANG TERTULIS NAMA MEREKA.

<sup>[2]</sup> SEPERTI PARA PELACUR MEMAKAI PAKAIAN YANG CANTIK SERTA HIASAN UNTUK MEMIKAT MANGSA-MANGSA MEREKA, BERGITULAH AGAMA PALSU INI MENGHIASKAN DIRI MEREKA UNTUK MENGGODA BANGSA-BANGSA KE DALAM CENGKAMANNYA.

<sup>[3]</sup> DIA MERUPAKAN IBU SEMUA PELACUR KERANA SEMUA AJARAN PALSU BERASAL DARI BABEL.

<sup>[4]</sup> AJARAN PALSU TELAH MEMBUNUH BANYAK ORANG DAN SISTEM AJARAN PALSU INI MERUPAKAN YANG PALING TERUK ANTARA SEMUANYA.

"WANITA ITU MABUK KERANA MINUM DARAH UMAT ALLAH..."<sup>[4]</sup>





AKU SANGAT  
HAIRAN KETIKA  
NAMPAK WANITA  
ITU.

MENGAPAKAH  
ENGAU HAIRAN? AKU AKAN  
MEMBERITAHU ENGAU RAHSIA  
TENTANG WANITA ITU DAN  
BINATANG BERKEPALA TUJUH <sup>[1]</sup>  
YANG DITUNGGANGINYA.

BINATANG ITU TELAH ADA,  
NAMUN TIDAK ADA, DAN AKAN  
MUNCUL LAGI DARI JURANG  
MAUT, <sup>[2]</sup> MENUJU KEPADA  
KEBINASAAN.



PENDUDUK BUMI YANG  
NAMA MEREKA TIDAK  
TERDAFTAR DI DALAM KITAB  
ORANG HIDUP AKAN HAIRAN  
MELIHAT BINATANG ITU.

<sup>[1]</sup> BINATANG ITU (ANTIKRISTUS) MENYOKONG DENGAN PENUH SISTEM AJARAN PALSU INI (PELACUR ITU). KEDUA-DUA RAJA DAN KERAJAAN DISEBUT SEBAGAI "BINATANG ITU."

<sup>[2]</sup> UNGKAPAN "TELAH ADA, NAMUN TIDAK ADA, DAN AKAN MUNCUL LAGI" MERUJUK KEPADA FAKTA BAHAWA SETELAH "KEBANGKITAN" ANTIKRISTUS, DIA AKAN DIRASUK OLEH ROH JAHAT YANG BERKUASA DARI JURANG MAUT.





HAL INI MEMERLUKAN KEBIJAKSANAAN  
DAN PENGERTIAN: TUJUH KEPALA  
MELAMBANGKAN TUJUH BUAH BUKIT, TEMPAT  
WANITA ITU DUDUK; SERTA MELAMBANGKAN  
TUJUH ORANG RAJA, DI MANA LIMANYA  
MENINGGAL, YANG SEORANG MASIH  
MEMERINTAH, DAN YANG SEORANG LAGI BELUM  
DATANG. APABILA DIA DATANG, DIA AKAN  
MEMERINTAH SEBENTAR SAHAJA. <sup>[1]</sup>

BINATANG YANG DAHULU  
PERNAH HIDUP, TETAPI SEKARANG  
TIDAK HIDUP LAGI, MELAMBANGKAN  
RAJA KELAPAN. DIA SALAH SATU  
DARIPADA TUJUH ORANG RAJA ITU  
JUGA DAN SEDANG MENUJU  
KEPADA KEBINASAAAN. <sup>2</sup>

<sup>[1]</sup> TUJUH KEPALA DAN TUJUH BUKIT KEMUNGKINAN  
BESAR MELAMBANGKAN TUJUH EMPAYAR BESAR DI  
DUNIA – MESIR, ASYUR, BABEL, MEDIA-PERSIA,  
YUNANI, ROMA SERTA KERAJAAN ANTIKRISTUS.

<sup>[2]</sup> BINATANG ITU ADALAH RAJA KETUJUH DAN KELAPAN  
KERANA KEMATIAN DAN KEBANGKITAN PALSUNYA.





SEPULUH TANDUK  
MELAMBANGKAN SEPULUH  
ORANG RAJA<sup>[1]</sup> YANG BELUM  
MULA MEMERINTAH TETAPI AKAN  
MEMERINTAH BERSAMA-SAMA  
BINATANG ITU SELAMA  
SEJAM<sup>[2]</sup>.

MEREKA AKAN BERPERANG  
MELAWAN ANAK DOMBA.  
TETAPI ANAK DOMBA AKAN  
MENGALAHKAN MEREKA KERANA  
DIALAH TUHAN YANG AGUNG  
DAN RAJA YANG TERUTAMA.



SEKARANG KITA  
BERKUASA PENUH, MAKA  
TIDAK DIPERLUKAN LAGI  
SISTEM AGAMA INI.

BINASAKAN  
DIA.



"SEPULUH TANDUK DAN BINATANG  
ITU AKAN MEMBENCI PELACUR ITU  
LALU MEMBINASAKAN DIA..."<sup>[3]</sup>

<sup>[1]</sup> EMPAYAR ANTIKRISTUS AKAN TERBAHAGI  
KEPADA SEPULUH DAERAH ADMINISTRASI YANG  
DIPERINTAH OLEH SEPULUH PEMIMPIN INI.

<sup>[2]</sup> ALKITAB BERKATA BAHAWA MASA  
Pemerintahan mereka singkat. Sejam  
merujuk kepada 3 ½ tahun  
pemerintahan bersama ANTIKRISTUS.

<sup>[3]</sup> SETELAH BERKUASA MEMERINTAH, MEREKA AKAN  
MEMBINASAKAN SISTEM KEAGAMAAN PALSU YANG  
MEMBANTU MEREKA MENDAPATKAN KUASA.





"SETELAH ITU AKU MELIHAT SATU LAGI MALAIKAT TURUN DARI SYURGA. DIA MEMPUNYAI KUASA BESAR, DAN CAHAYA YANG MENGELILINGINYA MENERANGI SELURUH BUMI."<sup>[1]</sup>

BABEL SUDAH JATUH! BABEL YANG AGUNG SUDAH JATUH!

SEKARANG SYAITAN-SYAITAN DAN ROH-ROH JAHAT TINGGAL DI BABEL.

SEMUA BANGSA SUDAH MINUM AIR WAINNYA, IAITU PERBUATANNYA YANG CABUL.<sup>[2]</sup>

RAJA-RAJA DUNIA MELAKUKAN PERBUATAN CABUL DENGANNYA, DAN SAUDAGAR-SAUDAGAR DI BUMI MENJADI KAYA OLEH NAFSUNYA YANG TIDAK TERKENDALI ITU.<sup>[3]</sup>

<sup>[1]</sup> SETELAH MALAIKAT KELIMA MENJATUHKAN BUMI DALAM KEHELAPAN, KEMULIAAN MALAIKAT INI AKAN MENDAPAT PERHATIAN ORANG-ORANG DI DUNIA.

<sup>[2]</sup> KEAGAMAAN BABEL MENGGODA BANGSA-BANGSA KE DALAM KEMABUKAN SPIRITUAL DAN TUHAN PALSU.

<sup>[3]</sup> PEREKONOMIAN BABEL MENGGODA MEREKA YANG TIDAK PERCAYA DAN BANGSA-BANGSA DENGAN TUHAN PALSU MATERIALISME.

<sup>[4]</sup> NAMUN ALLAH SENDIRI YANG AKAN MENGHAKIMI SISTEM BABEL.

<sup>[5]</sup> SAMA SEPERTI BABEL ZAMAN DAHULU JATUH AKIBAT PENGHAKIMAN ALLAH, BEGITU JUGA BABEL MODEN AKAN JATUH NANTI.





KEMUDIAN AKU  
MENDENGAR SUARA  
LAIN DARI SYURGA  
BERKATA--

KELUARLAH,  
HAI UMAT-KU!  
JANGANLAH IKUT  
MENANGGUNG  
HUKUMANNYA.

KERANA DOSANYA  
BERTIMBUN-TIMBUN  
SAMPAI KE LANGIT, DAN  
ALLAH TIDAK LUPA  
KEJAHATANNYA.

BALASLAH BABEL  
DUA KALI GANDA BAGI  
SEMUA PERBUATANNYA.  
ISILAH CAWANNYA<sup>(1)</sup> DENGAN  
MINUMAN YANG DUA KALI  
LEBIH KERAS.

ITULAH SEBABNYA  
DALAM SEHARI SEMUA  
MALAPETAKA INI AKAN  
MENIMPANYA: PENYAKIT,  
KESEDIHAN, DAN  
KEBULURAN.<sup>(2)</sup>

BABEL AKAN  
DIHANGUSKAN OLEH  
API, KERANA TUHAN  
YANG MENGHAKIMINYA  
ITU BERKUASA.



"RAJA-RAJA DUNIA DAN PARA SAUDAGAR AKAN  
MENANGISI DAN MERATAPI KOTA ITU."

ALANGKAH MALANGNYA  
KOTA BABEL YANG AGUNG  
DAN PERKASA ITU! DALAM  
SATU JAM SAHAJA BABEL  
TELAH DIHUKUM!

ALANGKAH MALANGNYA  
KOTA YANG AGUNG ITU! DI SITULAH  
SEMUA PEMILIK KAPAL-KAPAL DI LAUT  
MENJADI KAYA OLEH KEKAYAANNYA!  
TETAPI DALAM SATU JAM SAHAJA,  
BABEL TELAH KEHILANGAN  
SEGALA-GALANYA!

<sup>[1]</sup> DENGAN KEJATUHAN BABEL, HIDUP DAN SEBARANG KEADAAN NORMAL  
AKAN TERGANGGU SECARA KEKAL. TIDAK AKAN ADA LAGI MUSIK, INDUSTRI,  
PEMROSESAN MAKANAN, SUMBER ELEKTRIK ATAU ACARA PERNIKAHAN.

<sup>[2]</sup> KEKEJIAN SISTEM AJARAN PALSU DAN PEREKONIMIAN SERTA POLITIK BABEL TELAH  
MELAKUKAN KEKEJAMAN DASYAT TERHADAP UMAT TUHAN, ALLAH MAHA KUASA  
MENGHAKIMI PENUH SISTEM KEAGAMAAN, KOMERSIAL DAN POLITIK INI SEBAGAI  
PERSEDIAAN BAGI KEDATANGAN SEMULA RAJA YANG SEBENAR – YESUS KRISTUS.





SEMUA KEKAYAAN  
SERTA KEINDAHANMU  
SUDAH HILANG - TIDAK  
AKAN KEMBALI LAGI!

DALAM SATU JAM  
SAHAJA, BABEL TELAH  
KEHILANGAN SEGALA  
KEKAYAANNYA!



DEMIKIANLAH  
KOTA BABEL YANG  
AGUNG ITU AKAN  
DIHEMPASKAN DENGAN  
KUAT, DAN TIDAK AKAN  
DIJUMPAI LAGI.


MUZIK...  
BATU KISARAN...  
KERIUHAN PESTA  
PERKAHWINAN TIDAK AKAN  
TERDENGAR LAGI. <sup>[1]</sup>

SEMUA TUKANGMU TIDAK  
DAPAT DIJUMPAI LAGI DAN  
CAHAYA PELITA TIDAK AKAN  
TERLIHAT LAGI.

DENGAN ILMU  
SIHIR ENKAU MENIPU  
SEMUA ORANG DI  
DUNIA!

DARAH NABI-NABI DAN DARAH  
UMAT ALLAH DIDAPATI DI DALAM  
KOTA ITU - SINGKATNYA DARAH  
SEMUA ORANG YANG SUDAH  
DIBUNUH DI ATAS BUMI. <sup>[2]</sup>





PUJILAH ALLAH,  
HAI SEMUA HAMBA-NYA DAN  
SEMUA ORANG YANG TAKUT  
AKAN DIA - BAIK ORANG BESAR  
MAHUPUN ORANG BIASA!

AMINI! HALELUYA!

AMINI! HALELUYA!

AMINI! HALELUYA!

PUJILAH ALLAH! ALLAH KITA  
ALLAH YANG MENYELAMATKAN!  
DIA ALLAH YANG MULIA DAN BERKUASA!  
PENGHAKIMAN-NYA BENAR DAN ADIL!  
DIA TELAH MENGHUKUM PELACUR  
TERMASYHUR YANG MENYESATKAN  
DUNIA DENGAN PERBUATAN CABULNYA.  
ALLAH SUDAH MEMBELA  
PEMBUNUHAN HAMBA-HAMBA  
ALLAH.

ALLAH SUDAH  
MEMBALAS DENDAM BAGI  
DARAH HAMBA-NYA YANG  
SUDAH TERTUMPAH OLEH  
ABEL.

HALELUYA! ASAP API  
YANG MENGHANGUSKANNYA  
MENGEPUK UNTUK  
SELAMA-LAMANYA!

HALELUYA!  
ALLAH KITA YANG MAHA  
KUASA ITU RAJA!

MARILAH KITA BERSUKACITA  
DAN MEMUJI KEAGUNGAN-NYA,  
KERANA MASA PERKAHWINAN ANAK  
DOMBA SUDAH TIBA DAN PENGANTIN  
PEREMPUAN-NYA SUDAH SIAP.

PAKAIAN LINEN  
YANG BERSIH DAN  
BERKILAUAN DIBERIKAN  
KEPADANYA UNTUK  
DIPAKAIKAN.<sup>[1]</sup>

<sup>[1]</sup> LINEN MEWAH MELAMBANGKAN  
KESUCIAN PERBUATAN ORANG KUDUS.

<sup>[2]</sup> ALKITAB MELARANG PENYEMBAHAN MALAIKAT,  
HANYA TUHAN LAYAK DISEMBAH.





TULISKAN INI:  
BERBAHAGIALAH ORANG  
YANG DIJEMPUT KE MAJLIS  
PERKAHWINAN ANAK  
DOMBA ITU.



"AKU  
BERSUJUD HENDAK  
MENYEMBAH DIA."

JANGAN  
SEMBAH  
AKU!

AKU PUN HAMBA SEPRTI  
ENGKAU DAN SEMUA ORANG  
YANG BERPEGANG TEGUH  
KEPADA KESAKSIAN  
TENTANG YESUS.

SEMBAHLAH  
ALLAH! [2]





"KEMUDIAN AKU NAMPAK SYURGA TERBUKA DAN ADA SEEKOR KUDA PUTIH. PENUNGGANGNYA BERNAMA YANG SETIA DAN YANG BENAR. DIA MENGHAKIMI DENGAN ADIL DAN BERPERANG UNTUK KEADILAN."<sup>[1]</sup>

"MATA-NYA MENYALA SEPERTI API DAN DIA MEMAKAI BANYAK MAHKOTA PADA KEPALA-NYA. PADA DIRI-NYA TERTULIS SATU NAMA YANG HANYA DIKETAHUI OLEH-NYA."<sup>[2]</sup>

"JUBAH YANG DIPAKAI-NYA BERLUMURAN DARAH.<sup>[3]</sup> NAMA-NYA "FIRMAN ALLAH."<sup>[4]</sup>

"TENTERA SYURGA MENIKUTI DIA DENGAN MENUNGGANG KUDA PUTIH DAN MENGENAKAN PAKAIAN LINEN PUTIH YANG BERSIH."<sup>[4]</sup>

"DARI MULUT-NYA KELUAR SEBILAH PEDANG YANG TAJAM UNTUK MENGALAHKAN BANGSA-BANGSA. DIA AKAN MEMERINTAH MEREKA DENGAN TANGAN BESI. DIA AKAN MEMERAS ANGgur DI TEMPAT PEMERAS ANGgur, IAITU KEMURKAAN YANG MENYALA-NYALA DARIPADA ALLAH YANG MAHA KUASA."

"PADA JUBAH-NYA DAN PAHA-NYA TERTULIS NAMA INI: **"RAJA YANG TERUTAMA DAN TUHAN YANG AGUNG."**

<sup>[1]</sup> JENERAL TENTERA ROMA AKAN MENUNGGANG KUDA PUTIH DALAM PERARAKAN, SEKEMBALINYA DARI KEMENANGAN PERANG. PERTAMA KALI, YESUS KRISTUS TELAH DATANG DALAM KERENDAHAN, TETAPI KEDATANGAN KEDUANYA PENUH KEMENANGAN DI ATAS KUDA PUTIH.

<sup>[2]</sup> TIADA YANG DAPAT BERSELINDUNG DARI MATA KRISTUS, MEMBUATKAN SEMUA PENGHAKIMAN-NYA TEPAT DAN ADIL.

<sup>[3]</sup> JUBAH YANG BELUMURAN DARAH MELAMBANKAN PERANG BESAR YANG TELAH DIMENANGKAN OLEH-NYA MELAWAN DOSA, SI IBLIS DAN KEMATIAN. INI BUKANLAH DARI PERANG ARMAGEDON YANG BELUM LAGI BERLAKU.

<sup>[4]</sup> TENTERA YANG MENIKUTINYA TIDAK KEMBALI BERSAMA KRISTUS UNTUK BERPERANG KERANA MEREKA TIDAK BERSENJATA, TETAPI UNTUK MEMERINTAH BERSAMA-NYA SETELAH DIA MENGALAHKAN SEMUA MUSUH.









MARILAH BERKUMPUL  
MENGHADIRI JAMUAN BESAR ALLAH.  
MARILAH MAKAN DAGING RAJA,  
DAGING PANGlima DAN ASKAR,  
DAGING KUDA DAN PENUNGGANG  
KUDA, DAGING SEMUA ORANG, BAIK  
ABDI MAHUPUN ORANG BEBAS,  
ORANG BESAR MAHUPUN ORANG  
BIASA!<sup>[1]</sup>



KEMUDIAN AKU NAMPAK  
BINATANG ITU DAN RAJA-RAJA  
DI BUMI DENGAN TENTERA MEREKA  
BERKUMPUL UNTUK MELAWAN DIA  
YANG MENUNGGANG KUDA PUTIH  
DENGAN TENTERA-NYA.



<sup>[1]</sup> TUHAN SUDAH MENGISYTIHARKAN  
KEMENANGAN SEBELUM PERANG BERMULA.






"TETAPI BINATANG ITU DITAWAN BERSAMA-SAMA NABI PALSU YANG TELAH MELAKUKAN MUKJIZAT DI HADAPANNYA. DENGAN MUKJIZAT ITULAH BINATANG ITU MENIPU ORANG YANG MEMPUNYAI TANDA BINATANG ITU, DAN ORANG YANG MENYEMBAH PATUNG BINATANG ITU."



"BINATANG DAN NABI PALSU ITU DIBUANG HIDUP-HIDUP KE DALAM LAUTAN API YANG BERNYALA-NYALA DENGAN BELERANG. "



<sup>[1]</sup> PARA TENTERA ANTIKRISTUS DAN SISA ORANG BERDOSA DI DUNIA DIHUKUM MATI DAN MENJADI PENGAKHIRAN MASA KESENGSARAAN.



"TENTERA MEREKA DIBUNUH DENGAN PEDANG YANG KELUAR DARI MULUT PENUNGGANG KUDA PUTIH ITU. LALU SEMUA BURUNG DATANG DAN MEMAKAN DAGING MEREKA DENGAN LAHAP."<sup>[2]</sup>



"KEMUDIAN AKU NAMPAK SATU MALAIKAT TURUN DARI SYURGA.  
DIA MEMEGANG KUNCI JURANG MAUT DAN SEUTAS RANTAI BESAR."



<sup>[1]</sup> KETIKA PEMERINTAHAN SERIBU TAHUN  
KRISTUS DI BUMI, IBLIS DIRANTAI DI PENJARA.





"DIA MENANGKAP NAGA ITU,  
ULAR TUA ITU IAITU IBLIS ATAU  
SYAITAN, DAN MERANTAINYA  
SELAMA SERIBU TAHUN..." [1]

"...DAN MEMBUANG NAGA ITU KE  
DALAM JURANG MAUT, LALU  
MENGUNCI JURANG ITU DAN  
MEMETERAIKANNYA, SUPAYA NAGA  
ITU TIDAK DAPAT MENIPU  
BANGSA-BANGSA LAGI, SEHINGGA  
MASA SERIBU TAHUN ITU BERLALU."


"SELEPAS ITU NAGA ITU MESTI  
DILEPASKAN UNTUK MASA  
YANG SINGKAT."



"AKU NAMPAK TAKHTA-TAKHTA YANG DIDUDUKI MEREKA YANG DIBERIKAN KUASA UNTUK MENGHAKIM."

"AKU JUGA MELIHAT ROH-ROH ORANG YANG SUDAH DIPANCUNG KERANA MENJADI SAKSI YESUS DAN MENYAMPAIKAN FIRMAN ALLAH."

"MEREKA TIDAK MENYEMBAH BINATANG ITU ATAUPUN PATUNGNYA, ATAU MENERIMA TANDA BINATANG ITU PADA DAHI ATAUPUN PADA TANGAN."



"MEREKA HIDUP SEMULA DAN MEMERINTAH SEBAGAI RAJA BERSAMA-SAMA KRISTUS SELAMA SERIBU TAHUN."



<sup>[1]</sup> MEREKA YANG TELAH DITEBUS DI GEREJA AWAL, ORANG KUDUS DI PERJANJIAN LAMA, MEREKA YANG MATI SYAHID SERTA ORANG PERCAYA YANG TERSELAMAT DALAM MASA KESENGSARAAN, SEKARANG DIBANGKITKAN UNTUK MEMERINTAH BERSAMA KRISTUS.

<sup>[2]</sup> KEBANGKITAN TAHAP PERTAMA ADALAH KEBANGKITAN ORANG PERCAYA. TUBUH ORANG YANG TIDAK PERCAYA TIDAK AKAN DIBANGKITKAN (KEBANGKITAN TAHAP KEDUA) SEHINGGA PENGHAKIMAN TAKHTA PUTIH.






"TETAPI ORANG LAIN YANG TELAH MATI TIDAK HIDUP SEMULA SEHINGGA MASA SERIBU TAHUN ITU BERLALU. INILAH TAHAP PERTAMA ORANG MATI DIBANGKITKAN."<sup>[1]</sup>

BERBAHAGIALAH MEREKA YANG DIBANGKITKAN PADA TAHAP PERTAMA ITU. <sup>[2]</sup> KEMATIAN TAHAP KEDUA TIDAK BERKUASA ATAS MEREKA. MEREKA AKAN MENJADI IMAM ALLAH DAN IMAM KRISTUS. DAN MEMERINTAH BERSAMA DIA SELAMA SERIBU TAHUN.






"SELEPAS MASA SERIBU TAHUN ITU BERLALU,  
IBLIS AKAN DILEPASKAN DARI PENJARA."



"MEREKA BERPECAH-PECAH KE SELURUH DUNIA, LALU MENGEPUK  
PERKHEMAHAN UMAT ALLAH DAN KOTA YANG DIKASIHI-NYA."<sup>[2]</sup>



<sup>[1]</sup> GOG DAN MAGOG MERUPAKAN NAMA YANG DIBERIKAN KEPADA  
PEMBERONTAK DAN PEMIMPIN MEREKA, YANG SEDANG MAJU MENENTANG  
KRISTUS DAN KEPIMPINAN-NYA. MAGOG ADALAH CUCU NUH (KEJ. 10:2)  
YANG MEMULAKAN SEBUAH KERAJAAN AWAL. GOG PULA ADALAH NAMA  
PEMIMPIN KEPADA TENTERA YANG DIKENALI SEBAGAI MAGOG.


<sup>[2]</sup> YERUSALEM AKAN MENJADI IBU KOTA DI MANA KRISTUS  
AKAN BERTAKHTA DALAM KERAJAAN SERIBU TAHUN.

<sup>[3]</sup> PENYEKSAAN YANG TIDAK BERKESUDAHAN AKAN MENJADI  
PENGAKHIRAN YANG PASTI DAN KEKAL BAGI IBLIS - BERSERTA  
SEMUA YANG TIDAK MENERIMA KESELAMATAN YESUS.






"DAN DIA AKAN PERGI MENIPU BANGSA-BANGSA YANG TERSEBAR DI SELURUH DUNIA, IAITU GOG DAN MAGOG. IBLIS AKAN MENGUMPULKAN MEREKA SEMUA UNTUK BERPERANG, <sup>[1]</sup> DAN MEREKA SEBANYAK PASIR DI PANTAI."



"TETAPI API TURUN DARI LANGIT DAN MEMUSNAHKAN BANGSA-BANGSA ITU."




"IBLIS YANG TELAH MENIPU MEREKA ITU DIBUANG KE DALAM LAUTAN API DAN BELERANG, DI TEMPAT BINATANG ITU DAN NABI PALSU ITU TELAH DIBUANG DAN SEMUA AKAN DISEKSA SIANG DAN MALAM UNTUK SELAMA-LAMANYA." <sup>[3]</sup>



"KEMUDIAN AKU NAMPAK TAKHTA PUTIH DAN DIA YANG DUDUK DI ATASNYA. <sup>[1]</sup> LANGIT DAN BUMI LARI DARI HADIRAT-NYA, SEHINGGA TIDAK KELIHATAN LAGI <sup>[2]</sup>. AKU NAMPAK ORANG YANG SUDAH MATI, BAIK ORANG BESAR MAHUPUN ORANG BIASA, SEMUANYA BERTIRI DI HADAPAN TAKHTA ITU. LALU KITAB-KITAB PUN DIBUKA."

"SEBUAH KITAB LAIN JUGA DIBUKA IAITU KITAB ORANG HIDUP<sup>[3]</sup>. ORANG YANG SUDAH MATI DIHAKIMI MENURUT PERBUATAN MEREKA SEPERTI YANG TERTULIS DI DALAM KITAB-KITAB ITU."

"LALU LAUT MENYERAHKAN ORANG MATI YANG ADA DI DALAMNYA. MAUT DAN ALAM MAUT PUN MENYERAHKAN ORANG MATI YANG DI SITU. SEMUA ORANG MATI DIADILI MENURUT PERBUATAN MASING-MASING."<sup>[4]</sup>



<sup>[1]</sup> PENGHAKIMAN DI TAKHTA PUTIH YANG BESAR MERUPAKAN PENGHAKIMAN TERAKHIR BAGI SEMUA YANG TIDAK PERCAYA.



<sup>[2]</sup> RASUL YOHANES MENYAKSIKAN ALAM YANG DIROSAKKAN OLEH DOSA INI LENYAP. INI JUGA TELAH DINUBUATKAN OLEH RASUL PETRUS (II PETRUS 3:10-13).

<sup>[3]</sup> KITAB ORANG HIDUP MENCATATKAN SEMUA YANG TELAH DISELAMATKAN.

<sup>[4]</sup> SEMUA ORANG AKAN DIHAKIMI MENURUT PEMIKIRAN (LUKAS 8:17), PERTUTURAN (MATIUS 12:37) DAN PERBUATAN (MATIUS 16:27).

<sup>[5]</sup> TIDAK ADA LAGI PELUANG KEDUA, APAPUN KEPUTUSAN YANG DILAKUKAN OLEH SESEORANG SEBELUM KEMATIANNYA AKAN MENGIKUT MEREKA KE PENGHAKIMAN ALLAH INI. SALAH SATU KEBENARAN ALKITAB YANG MENYAKITKAN ADALAH, JIKA SESEORANG MATI DI LUAR KRISTUS, NERAKA ADALAH DESTINASI TERAKHIR MEREKA UNTUK SELAMALAMANYA. INI SESUATU YANG TERLALU DASYAT BAGI ORANG KRISTIAN MAHUPUN ORANG BUKAN KRISTIAN, NAMUN KITA TAHU MELALUI KEBENARAN FIRMAN ALLAH BAHAWA INILAH YANG MENANTIKAN BANYAK ORANG. YESUS BERKATA, "JALAN YANG MENUJU KE NERAKA ITU LEBAR DAN LAPANG! BANYAK ORANG YANG MENGAMBIL JALAN ITU."





"KEMUDIAN MAUT DAN ALAM MAUT DIBUANG KE DALAM LAUTAN API. LAUTAN API INI KEMATIAN TAHAP KEDUA. SESIAPA YANG NAMANYA TIDAK TERTULIS DI DALAM KITAB ORANG HIDUP DIBUANG KE DALAM LAUTAN API." <sup>[5]</sup>





"AKU MELIHAT LANGIT BARU DAN BUMI BARU, KERANA LANGIT DAN BUMI YANG LAMA TELAH LENYAP, DAN LAUT PUN TIADA LAGI."

"KEMUDIAN AKU, YOHANES, MELIHAT KOTA SUCI, YERUSALEM BARU<sup>[1]</sup>, DITURUNKAN ALLAH DARI SYURGA, SEPERTI PENGANTIN YANG TERHIAS UNTUK SUAMINYA."

"AKU MENDENGAR SUARA LANTANG DARI TAKHTA BERKATA, "LIHATLAH, TEMPAT KEDIAMAN ALLAH SEKARANG BERSERTA MANUSIA, DAN DIA AKAN TINGGAL BERSAMA MEREKA, DAN MEREKA AKAN MENJADI UMAT-NYA, DAN ALLAH SENDIRI AKAN BERSAMA MEREKA SEBAGAI ALLAH MEREKA."

"DIA AKAN MENYAPU AIR MATA MEREKA. KEMATIAN AKAN TIADA LAGI, DEMIKIAN JUGA KESEDIHAN, TANGISAN, DAN KESAKITAN. PERKARA-PERKARA LAMA SUDAH LENYAP."

"KEMUDIAN DIA YANG BERSEMAYAM DI ATAS TAKHTA BERKATA, "LIHATLAH, AKU TELAH MENCIPTA SEGALANYA BARU." DIA BERFIRMAN KEPADAKU, "TULISKANLAH, KERANA KATA-KATA INI BENAR DAN TEPAT."

<sup>[1]</sup> IBU KOTA SYURGA.

<sup>[2]</sup> ALKITAB, SELAIN MENYATAKAN TENTANG KETIDAKPERCAYAAN, JUGA MENYEBUT SIFAT DAN GAYA HIDUP ORANG YANG TIDAK PERCAYA.

<sup>[3]</sup> HANYA ADA SATU DESTINASI ORANG YANG TIDAK PERCAYA – NERAKA. DAN ITU ADALAH KEKAL UNTUK SELAMA-LAMANYA TANPA PELUANG KEDUA ATAU PELUANG UNTUK LARI.





"FIRMAN-NYA LAGI, "SEGALANYA TELAH SELESAIL AKULAH ALFA DAN OMEGA, YANG PERTAMA DAN YANG TERAKHIR. AKU AKAN MEMBERIKAN MATA AIR HIDUP DENGAN PERCUMA KEPADA SESIAPA YANG DAHAGA."

"TETAPI MEREKA YANG PENGECUT, TIDAK BERIMAN, DURJANA, PEMBUNUH, MELAKUKAN YANG CABUL, AHLI SIHIR, PENYEMBAH BERHALA DAN SEMUA PENDUSTA – HANYA ADA SUATU TEMPAT." [2]

"MEREKA AKAN DIMASUKKAN KE DALAM LAUTAN YANG MENYALA DENGAN API DAN BELERANG. INILAH KEMATIAN KEDUA." [3]





SATU DARIPADA TUJUH  
MALAIKAT YANG MEMPUNYAI TUJUH  
BUAH MANGKUK ITU MEMBAWA AKU  
DALAM ROH ALLAH KE PUNCAK  
GUNUNG YANG SANGAT TINGGI.  
DI SANA YERUSALEM, KOTA SUCI  
ITU YANG TURUN DARI SYURGA  
DARIPADA ALLAH.

DENGAN SEMARAK  
KEMULIAAN ALLAH, KOTA  
ITU BERKILAUAN SEPERTI  
BATU PERMATA, SEPERTI  
BATU JASPER YANG  
HENING SEPERTI  
KRISTAL.

<sup>141</sup> SAMA SEPERTI MUTIARA TERBENTUK DARI LUKA DAGING TIRAM –  
BERGITULAH PINTU GERBANG MUTIARA INI DALAM KEKEKALAN MENINGKATKAN  
SEMUA ORANG PERCAYA TENTANG KESENGSARAAN KRISTUS BAGI MEREKA.





KOTA ITU BERTEMBOK  
TINGGI BESAR, DENGAN DUA  
BELAS BUAH PINTU GERBANG,  
DAN DIJAGA OLEH DUA BELAS  
MALAIKAT.

TEMBOK KOTA ITU DIBINA  
DI ATAS DUA BELAS BUAH BATU ASAS,  
DIHIASI BERBAGAI-BAGAI BATU  
PERMATA. PADA SETIAP BATU ASAS  
TERTULIS NAMA DUA BELAS ORANG  
RASUL ANAK DOMBA ITU.

MALAIKAT YANG  
BERKATA-KATA KEPADAKU  
MEMPUNYAI SEBATANG  
PENGUKUR DARIPADA EMAS,  
UNTUK MENGUKUR KOTA ITU.

TEMBOK KOTA ITU  
TINGGINYA ENAM PULUH  
METER, DAN KOTA ITU  
BERBENTUK EMPAT  
PERSEGI.

KOTA ITU BERUKURAN  
2,400 KILOMETER; LEBAR  
DAN TINGGINYA SAMA  
DENGAN PANJANGNYA.

DUA BELAS BUAH PINTU  
GERBANG ITU DUA BELAS  
MUTIARA: TIAP-TIAP PINTU  
GERBANG DIBUAT DARIPADA  
SATU MUTIARA.<sup>[1]</sup>

PINTU GERBANG KOTA ITU  
AKAN TERBUKA SEPANJANG  
HARI DAN TIDAK AKAN  
PERNAH DITUTUP KERANA  
TIDAK ADA MALAM DI SITU.

SEBARANG KENAJISAN TIDAK LAYAK  
MASUK KE SANA. HANYA MEREKA YANG  
TERTULIS DI DALAM KITAB ORANG  
HIDUP ANAK DOMBA.



"AKU TIDAK NAMPAK RUMAH IBADAT DI KOTA ITU, KERANA RUMAH IBADAT ITU TUHAN ALLAH YANG MAHA KUASA DAN ANAK DOMBA."

"KOTA ITU TIDAK MEMERLUKAN MATAHARI ATAU PUN BULAN UNTUK MENYINARINYA, KERANA KEMULIAAN ALLAH MENERANGINYA, DAN ANAK DOMBA ITU LAMPUNYA."

"BANGSA-BANGSA DI DUNIA AKAN HIDUP DALAM CAHAYANYA, DAN RAJA-RAJA DUNIA PUN AKAN MEMBAWA KEKAYAAN MEREKA KE DALAM KOTA ITU."







"PINTU GERBANG KOTA TIDAK AKAN DITUTUP  
KERANA TIDAK ADA MALAM DI SITU."

"TETAPI SEGALA SESUATU YANG KOTOR TIDAK AKAN  
MASUK KE KOTA ITU, MAHUPUN YANG MELAKUKAN  
PERKARA-PERKARA MEMALUKAN, DAN PENDUSTA."

"HANYA ORANG YANG NAMA MEREKA TERTULIS DI  
DALAM KITAB ORANG HIDUP, YANG DIMILIKI OLEH  
ANAK DOMBA AKAN MASUK KE KOTA ITU."





MALAIKAT ITU  
MENUNJUKKAN KEPADAKU  
SEBATANG SUNGAI AIR HIDUP,  
JERNIH SEPERTI HABLUR,  
MENGALIR DARI TAKHTA ALLAH  
DAN ANAK DOMBA. [1]

IA MENGALIR KE  
TENGAH-TENGAH JALAN  
RAYA DI KOTA ITU. DI KIRI  
KANAN SUNGAI ITU TERDAPAT  
SEBATANG POKOK SUMBER  
KEHIDUPAN.

IA BERBUAH DUA BELAS  
KALI SETAHUN - DAUNNYA  
DIGUNAKAN UNTUK  
MENYEMBUHKAN  
BANGSA-BANGSA.

DI DALAM KOTA  
ITU TIDAK ADA  
KUTUKAN ALLAH.

HAMBA-HAMBA-NYA  
AKAN MENYEMBAH ALLAH  
DAN ANAK DOMBA DI  
TAKHTA-NYA.

MEREKA AKAN  
MELIHAT WAJAH-NYA,  
DAN NAMA-NYA AKAN  
DITULIS PADA DAHI  
MEREKA. [2]

MALAM TIADA LAGI;  
LAMPU DAN CAHAYA  
MATAHARI PUN TIDAK  
DIPERLUKAN, KERANA  
TUHAN ALLAH SENDIRI  
AKAN MENERANGI  
MEREKA.

MEREKA AKAN  
MEMERINTAH  
SEBAGAI RAJA  
SELAMA-  
LAMANYA.





<sup>[1]</sup> KERANA TIADA LAGI KITARAN AIR DI BUMI BARU, INILAH AIR YANG MEMBERI KEHIDUPAN YANG AKAN SELALU MENGALIR DARI TAKHTA ALLAH.

<sup>[2]</sup> DI BUMI SEBELUMNYA, MANUSIA TIDAK BOLEH MELIHAT WAJAH ALLAH DAN HIDUP (KELUARAN 33:20-23). TETAPI DENGAN TUBUH BARU YANG DIMULIAKAN INI, ORANG PERCAYA KINI BOLEH MELIHAT ALLAH KERANA TELAH DISUCCIKAN.





KATA-KATA INI  
BENAR DAN DAPAT  
DIPERCAYAI.

TUHAN, ALLAH  
SEGALA ROH NABI-NABI,  
TELAH MENYURUH MALAIKAT-  
MALAIKAT-NYA MENUNJUKKAN  
KEPADA HAMBА-HAMBА-NYA  
APA YANG AKAN TERJADI  
DENGAN SEGERA.

DENGARLAH!  
AKU AKAN SEGERA  
DATANG! BERBAHAGI-  
ALAH ORANG YANG  
MENTAATI KATA-KATA  
NUBUAT DI DALAM  
KITAB INI!"

"SETELAH ITU, AKU BERSUJUD DI HADAPAN  
MALAIKAT ITU, HENDAK MENYEMBAH DIA."



JANGANLAH SEMBAH  
AKU, KERANA AKU PUN  
HAMBА SEPERTI ENKAU DAN  
SEPERTI SAUDARA-SAUDARA-  
MU PARA NABI ITU, DAN  
SEPERTI SEMUA ORANG YANG  
MENTAATI KATA-KATA DI  
DALAM KITAB INI.

SEMBAHLAH  
ALLAH!



JANGANLAH KAMU  
MATERAIKAN NUBUAT  
DI DALAM KITAB INI, <sup>[1]</sup>  
KERANA MASANYA SUDAH  
HAMPIR TIBA.

ORANG YANG BERBUAT  
JAHAT, BIARLAH DIA TERUS  
BERBUAT JAHAT. ORANG  
YANG CEMAR, BIARLAH DIA  
TERUS CEMAR. <sup>[2]</sup>

ORANG YANG BENAR,  
BIARLAH DIA TERUS  
BENAR. ORANG YANG  
SUCI, BIARLAH DIA  
TERUS SUCI. <sup>[3]</sup>

<sup>[1]</sup> NUBUATAN-NUBUATAN SEBELUM INI TELAH  
DIMATERAIKAN NAMUN YANG INI PERLU DIBERITAKAN  
UNTUK MENGGALAKAN KETAATAN DAN PENYEMBAHAN.

<sup>[2]</sup> ORANG YANG MENOLAK AMARAN TUHAN AKAN MENETAPKAN  
DESTINASI MEREKA DI NERAKA SELAMA-LAMANYA.

<sup>[3]</sup> ORANG YANG BERPESON KEPADA AMARAN INI  
AKAN MENETAPKAN DESTINASI MEREKA DALAM  
KEMULIAAN SELAMA-LAMANYA.





DENGARLAH!  
AKU AKAN  
DATANG TIDAK  
LAMA LAGI!

AKU AKAN  
MEMBAWA GANJARAN  
UNTUK TIAP-TIAP  
ORANG MENURUT  
PERBUATANNYA.

AKULAH ALFA  
DAN OMEGA, YANG  
PERTAMA DAN YANG  
TERAKHIR, YANG  
DI AWAL DAN YANG  
DI AKHIR.

DIBERKATILAH  
SEKALIAN YANG MENYUCIKAN  
PAKAIANNYA, KERANA MEREKA  
BERHAK MENGHAMPIRI POKOK  
HAYAT DAN MASUK KE DALAM  
KOTA ITU MELALUI PINTU  
GERBANGNYA.

DI LUAR TERDAPAT ANJING,  
AHLI SIHIR, ORANG YANG CABUL,  
PEMBUNUH, PENYEMBAH  
BERHALA, DAN SEMUA YANG  
MENYUKAI DUSTA SERTA  
MENUTURKANNYA.

AKU, YESUS, TELAH  
MENYURUH MALAIKAT-KU  
MEMPERLIHATKAN SEGALA  
HAL INI KEPADAMU UNTUK  
SEMUA JEMAAH. AKULAH  
TUNAS DAN ZURIAT DAUD,  
DAN BINTANG FAJAR YANG  
BERSINAR.

"ROH DAN PENGANTIN PEREMPUAN  
ITU BERKATA, "MARILAH." ORANG  
YANG MENDENGAR HARUSLAH  
BERKATA, "MARILAH."

"MARILAH, SESIAPA YANG DAHAGA! "

"SESIAPA YANG INGIN, BOLEH MENGAMBIL AIR  
HIDUP ITU DENGAN PERCUMA."



AKU BERSAKSI KEPADA SETIAP ORANG YANG MENDENGAR NUBUAT DI DALAM KITAB INI, BAHAWA JIKA SESIAPA MENAMBAHKAN APA-APA KEPADANYA, ALLAH AKAN MENAMBAHKAN BAGINYA SEGALA WABAK YANG TERSURAT DALAM KITAB INI.

DAN JIKA SESIAPA MENGGUGURKAN SEPATAH KATA PUN DARIPADA NUBUAT INI, ALLAH AKAN MENGGUGURKAN BAHAGIANNYA DARIPADA POKOK HAYAT DAN KOTA SUCI SEPERTI YANG TERSURAT DALAM KITAB INI.

YA, AKU AKAN DATANG SEGERA.

SESUNGGUHNYA, MARILAH ENKAU, YA TUHAN YESUS.

SEMOGA KASIH KURNIA TUHAN YESUS MENYERTA ORANG SALIH SEKALIAN.

AMIN.





"THE BIBLE EXPLAINED  
IN EVERY LANGUAGE."





**SUPERBIBLE.TV**